

KUTKM jalin kerjasama dua hala

Archival News | Berita Harian | 20/02/2003

DALAM usaha menjadi institusi pengajian tinggi awam (IPTA) teknikal terunggul di negara ini, Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia (KUTKM) terus menjalin hubungan dua hala dengan beberapa universiti teknikal di Eropah.

Kini, sekumpulan kakitangan akademik KUTKM, termasuk dua timbalan rektor dengan diketuai Rektornya, Datuk Prof Dr Mohd Ruddin Ab. Ghani, sedang melawat beberapa universiti teknikal serta firma terkemuka di Jerman dan United Kingdom.

Delegasi berkenaan berada di sana selama 10 hari, mulai kelmarin dan sepanjang lawatan itu, beberapa perjanjian persefahaman (MoU) akan ditandatangani dengan universiti dan firma berkaitan di negara berkenaan.

Di Jerman, delegasi itu membuat kunjungan ke Universiti Teknikal Berlin (Technische Universität Berlin), Institut Teknologi Aachen (Rheinisch-Westfälische Technische Hochschule Aachen), firma FEV Motorentechnik GmbH dan Daimler-Chrysler.

Manakala di United Kingdom pula, mereka akan melawat Universiti Coventry, sekali gus bertemu beberapa pelajar Malaysia di sana.

Dr Mohd Ruddin berkata, selain MoU dengan universiti berkenaan, khususnya dalam bidang pendidikan, lawatan itu juga bertujuan mencari tenaga pengajar baru KUTKM.

(END) Source : Berita Harian